

15 OCT 2003

Mahathir-cuti/I

UNSUR POLTIK HALANG CUTI Hujung MINGGU SERENTAK, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 15 Okt (Bernama) -- Unsur politik dan bukannya soal agama yang menghalang cuti hujung minggu dilaksanakan serentak di seluruh negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata pembangkang, khususnya PAS, akan menjadikannya sebagai satu isu politik jika kerajaan mengisytiharkan Ahad, umpamanya, sebagai cuti hujung minggu bagi semua negeri.

PAS, katanya, akan menggunakan peluang itu dalam pilihan raya umum akan datang dengan mendakwa kerajaan cuba menjadikan umat Islam sebagai Kristian.

"PAS akan jadikan ini sebagai isu dan berkata kita telah menjadi Kristian, dan dengan itu, umat Islam tidak harus mengundi mereka yang menjadikan hari Ahad dan bukannya Jumaat, sebagai cuti hujung minggu," katanya dalam satu temu bual dengan Bernama di sini semalam.

Temu bual itu dikendalikan oleh Pengerusi Bernama Datuk Kalimullah Hassan, Ketua Pengarang Jaafar Hussin, dan dua orang Editor Eksekutif, Datuk Azman Ujang dan Yong Soo Heong.

Pada masa ini, Kelantan, Terengganu dan Kedah menjadikan Jumaat sebagai cuti hujung minggu manakala untuk yang lainnya adalah pada hari Ahad.

Dr Mahathir berkata idea tentang cuti hujung minggu adalah sesuatu yang agak baru kepada negara ini kerana sebelum itu ia tidak wujud.

"Tetapi British datang dan memperkenalkan Ahad sebagai cuti hujung minggu. Yang nyata ialah Ahad dianggap cuti orang Kristian."

Ekoran daripada itu, negeri-negeri yang bukan Negeri Melayu Bersekutu bertindak balas dan memperkenalkan Jumaat sebagai cuti hujung minggu mereka, katanya.

"Sebenarnya, dalam Islam, tidak ada cuti hujung minggu. Kita ada hari untuk bersolat dan berjemaah. Sudah menjadi ajaran bahawa selepas kita bersolat, kita kembali bekerja," katanya.

Perdana Menteri berkata ada orang Islam berpendapat jika Ahad dijadikan cuti hujung minggu, "maka kita melakukan sesuatu yang bersifat Kristian".

Bagaimanapun, katanya, hujung minggu merupakan satu cuti ciptaan, dan seseorang itu boleh menikmati cuti hujung minggu pada sebarang hari, "baik Ahad, baik Isnin atau apa saja."

"Sekalipun kita bercuti pada Ahad, itu tidak ada kaitan dengan agama."

Sebagai contoh, katanya, dengan adanya cuti Deepavali tidak bermakna umat Islam di Malaysia menyambut satu perayaan Hindu walaupun mereka berkunjung ke rumah rakan-rakan Hindu.

"Saya berpendapat kita patut ada satu cuti hujung minggu yang serentak," katanya ketika ditanya sama ada ini perlu dilakukan ke arah meningkatkan kecekapan di negara ini.

"Tetapi PAS menunggu saja untuk mengambil kesempatan daripada apa saja isu dan menjadikannya satu isu politik," katanya.

Dr Mahathir juga ditanya kenapa Sabah dan Sarawak masih menghendaki penduduk dari Semenanjung memenuhi keperluan imigresen dan prosedur kerja tertentu memandangkan kedua-dua negeri sudahpun 40 tahun menjadi sebahagian daripada Malaysia, dan sama ada wajar bagi kedua-duanya merasa bimbang dibanjiri penduduk dari Semenanjung.

Perdana Menteri berkata mereka masih bimbang walaupun ia mungkin tidak wajar.

"Kita kena tunggu sehingga mereka dapat mengatasi kebimbangan itu. Saya rasa pemimpin-pemimpin (di Sabah dan Sarawak) lambat laun akan menerima

hakikat bahawa kita semua adalah rakyat Malaysia. Kita (di Semenanjung Malaysia) tidak membeza-bezakan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat dari Sarawak berjaya di Semenanjung kerana mereka diberikan kontrak tetapi syarikat-syarikat dari Semenanjung menghadapi kesulitan beroperasi di Sabah dan Sarawak.

Namun, katanya, masalah mereka semakin berkurangan dan tidak seburuk dahulu.

-- BERNAMA

SHY JH MAI